

# Roslan terbaik dalam silat berjaya rebut Piala HQ

✓ - 1 JAN 1979  
ROSAN Ahmad, 13 tahun (kiri) dan Fazil Mustafah, 12 tahun telah berjaya memenangi pertandingan silat bahagian kanak-kanak regu terbaik yang dianjurkan oleh Himpunan Queens-town tidak lama dulu. Piala tersebut telah disampaikan oleh Pemangku Menteri Halehwal Masyarakat, Dr. Ahmad Mattar di majlis makan

*pencah silat*  
malam sempena menyambut ulangtahun HQ yang ke-16 pada malam Sabtu lalu, di King's Hotel.

Dr. Ahmad Mattar ketika merasmikan majlis itu antara lain berkata bahawa terdapat 2,475 buah persatuan yang berdaftar di Singapura hingga akhir November tahun ini.

"Dari jumlah terse-

but, 328 terdiri dari persatuan-persatuan sosial dan kebudayaan dan kebanyakannya dari badan-badan ini tidak mempunyai rumah-rumah persatuan ataupun tempat-tempat pertemuan untuk para ahlinya."

Turut hadir di majlis itu ialah Anggota Parlimen bagi Kolam Ayer, Encik Sidek Sa-niff. ✓

## Bukannya Dr. Mattar

*pencah silat*  
✓ - 2 JAN 1979  
ISTERI kepada Pemangku Menteri Halehwal Masyarakat, Puan Rogayah Mattar, telah menyampaikan piala serta hadiah pertandingan Silat Kuningan anjuran Persatuan Himpunan Queens-town di majlis menyambut ulangtahun HQ yang ke-16 di Kings Hotel pada malam Sabtu lalu dan bukannya Dr. Ahmad Mattar seperti yang dilaporkan semalam.

# Adu silat antara k-undi dirancang

✓ - 8 JAN 1979  
**P**ERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi), berura-ura untuk menganjurkan pertandingan pencak silat antara kawasan-undi bagi menjadikannya satu kegiatan sukan yang sihat.

Jika ini menampakkan kejayaan, ia akan dijadikan salah satu acara untuk pertandingan Sukan Asean supaya taraf seni silat dapat ditinggikan lagi di peringkat antarabangsa sungguhpun ini mungkin memakan masa setahun dua lagi.

Encik Johari Uriff, setiausaha Persisi berkata, langkah ini bertujuan untuk memastikan seni silat Melayu lebih dikenali ramai dengan adanya pertandingan di peringkat kebangsaan dan juga kerantauan.

*pencah silat*  
"Tetapi, sebagai permulaan, kami bercadang untuk menganjurkannya di peringkat bawahan iaitu antara kawasan-kawasan-undi, kerana kami dapat bayangkan kerumitan yang bakal timbul bersangkutan dengan penyelarasan sistem pertandingan dan pengadil silat yang hendak diadakan," katanya.

## Kerumitan

Encik Johari menambah, Persisi kini sedang mengahului cara-cara bagaimana pertandingan itu dapat dilaksanakan dan perkara berkaitan dengan undang-undang sukan seni pertahanan diri.

Sebuah jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk mengambil tugas menganjurkan pertandingan itu, tetapi sebelum itu, ia akan merujuk kepada Majlis Guru-Guru dan Jurulatih Silat bagi mendapatkan penjelasan tentang peranan jawatankuasa tersebut.

Encik Johari berkata, tidak mudah bagi satu-satu pertandingan silat diadakan sebagai acara sukan, kerana seni itu, tidak seperti gusti, karate atau taekwondo, ia mempunyai cara-cara pembawaannya yang tersendiri.

Para pengadil pula akan mengalami kesukaran untuk mengadili pertandingan silat, yang menurut Encik Johari terdiri dari lebih 10 jenis.

"Bagaimanapun, kami yakin masalah ini masih boleh diatasi dan silat dimajukan sebagai kegiatan sukan yang sihat supaya

ia dapat dikenali oleh semua bangsa.

"Dan jika pertandingan ini diadakan, kami akan memastikan ia hanya merupakan pertandingan kelincuhan saja dan tidak melibatkan senjata," katanya.

## - 8 JAN 1979 Sambutan

Menyentuh tentang sambutan orang-orang bukan Melayu dalam kegiatan silat sejak ia membuka pintu keahliannya kepada semua bangsa, Encik Johari menerangkan, sejauh ini belum begitu menggalakkan.

"Ini mungkin kerana silat Melayu melibatkan berbagai jenis resam dan adat gelanggang yang agak asing kepada bangsa-bangsa lain. Juga di peringkat atasannya, kebanyakan silat ada unsur-unsur ugama yang tidak dapat diterima oleh mereka." ✓